

09 SEP 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN KEPADA PEMIMPIN KOREA UTARA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong hari ini menghantar perutusan tahniah kepada pemimpin Korea Utara Kim Jong II atas pemilihannya sebagai pengerusi Suruhanjaya Pertahanan Kebangsaan dan juga sempena hari kebangsaan ke 50 republik itu.

"Kita yakin yang di bawah pimpinan anda hubungan rapat dan mesra antara Malaysia dan Korea Utara akan terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan pada tahun-tahun akan datang," titah Agong dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan tahniah kepada Hong Song Nam atas perlantikannya sebagai Perdana Menteri dan juga sempena hari kebangsaan negara itu.

"Saya percaya di bawah kepimpinan anda, hubungan yang sedia ada antara kedua-dua negara akan terus berkembang dan bertambah kukuh di tahun-tahun akan datang," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam mesej kepada rakan sejawatannya Paek Nam Sun yang baru dilantik ke jawatan itu berkata beliau mahu hubungan dua hala antara kedua-dua negara diperkukuhkan lagi.

-- BERNAMA

AKT PR